



# PEMBUKAAN SEKOLAH MELAYU BAKIAU

**BAKIAU.** — Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Muhammad bin Pengiran Piut telah merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Bakiau, Jalan Lamunin, Tutong pada pagi 24 Oktober, 1962.

Dalam ucapan pembukaan rasmi Sekolah Melayu tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra telah mengucapkan tinggi2 tahniah atas kejayaan penduduk2 Kampong Bakiau untuk mendirikan sa-buah sekolah, walau pun hanya merupakan bangunan kajang sahaja.

"Walau bagaimana pun, saya perchaya bangunan ini akan segera di-ganti kira-nya penuntut2 sekolah ini kian bertambah", kata Yang Amat Mulia.

Selanjut-nya beliau menegaskan bahawa beliau berasa kagum apabila melihat sa-orang wakil murid2 sekolah itu memberi ucapan dengan lancar-nya.

Terdahulu dari itu, Pengiran Othman bin Pengiran Salleh, sa-laku wakil dari penduduk2 Kampong Bakiau telah memberi ucapan.

Pengiran Othman berkata dalam ucapannya bahawa memang dasar tiap2 satu pergerakan atau pertubuhan itu menchari satu2an dan perpaduan supaya saling mengerti, bersafahaman dan bertulong2an di-antara satu dengan lain.

Terbentok-nya sekolah kajang itu, kata-nya, ada-lah di-antara bukti dan hasil usaha penduduk2 di-Kampong Bakiau itu bersatu padu dan bersafahaman serta menaruh perasaan timbang rasa.

Turut memberi ucapan di-majlis tersebut ia-lah Pemangku

### Timbalan Menteri Besar Ka-Malaya

**BERAKAS.** — Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada 20 Oktober berhubung dengan perkara2 yang bersangkutan paut dengan Askar Melayu Brunei.

Beliau telah di-iringi oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaruzaman dan Inche Holmes sa-orang Pegawai dari Pejabat Kewangan Negeri Brunei.

Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes dan Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Tutong Inche Mohamed Daud bin Serudin.

Sa-bagai satu tanda kenangan

pembukaan rasmi Sekolah Melayu Bakiau itu oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Muhammad, maka beliau telah di-jemput menanam sa-buah pokok rambutan di-kawasan sekolah itu.

Majlis itu di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Imam Mesjid Kiudang, Tuan Haji Sulaiman bin Kasim.

### D. Y. M. M. BUKA SEKOLAH MELAYU D. P. M. MAHKOTA



DULI YANG MAHA MULIA MAULANA AL-SULTAN, SIR OMAR ALI SAIFUD-DIN kelihatan sedang mengisytiharkan pembukaan rasmi SEKOLAH MELAYU DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA, Kuala Tutong pada 14 Oktober, 1962. Berita pembukaan rasmi sekolah itu telah di-siarkan dalam akhbar ini pada 17 Oktober, 1962.

### Sir John Ainley Bertukar Ka-Kenya

**LONDON.** — Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth telah meluluskan lantikan Hakim Besar Pengadilan Bersatu bagi Sarawak, Brunei dan Sabah, Sir John Ainley men-

jadi Hakim Besar Kenya.

Sir John Ainley akan menggantikan Sir Ronald Sinclair yang telah di-lantek menjadi Yang Dipertua, M a h k a m a h Rayuan Afrika Timor.

### 114 Orang Masok Islam

**BANDAR BRUNEI.** — Sa-ramai 114 orang yang bu k a n bangsa Melayu di-Brunei telah memelok Ugama Islam. Angka ini telah di-ke-luarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, menerusi sa-b u a h mujallah-nya yang pertama pada awal bulan ini.

Menurut mujallah itu bilangan orang yang masok Islam itu ia-lah berdasarkan dari banchi daripada t a h u n 1959 hingga ka-tahun 1961.

Antara mereka itu ia-lah bangsa2 China, Dayak, Dusun, Belait dan bangsa India (Hindu).

### Persidangan Melayu Raya Di-Jesselton

**BERAKAS.** — Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar telah berangkat ka-Jesselton baharu2 ini untuk menghadhiri persidangan Jawatan Kuasa Kerajaan mengenai Persekutuan Melayu Raya sa-bagai pemerhati2 dari Brunei.

Persidangan itu telah di-pengerusikan oleh Setia Usaha Negara Inggeris bagi Tanah2 Jajahan, Lord Landsdowne, Timbalan Pengerusi persidangan itu ia-lah Pemangku Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tun Abdul Razak bin Husain.

Para perwakilan yang menghadhiri persidangan tersebut ia-lah dari Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

# PERSATUAN SENI BUDAYA RAIKAN AWANG BESAR SAGAP

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 dan ahli2 Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei telah mengadakan satu majlis jamuan untuk meraikan Inche Awang Besar Sagap yang telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dengan Bintang Kehormatan SERI MAHKOTA BRUNEI.

## HARI BUNGA POPY

SERIA. — Kesatuan Bekas Angkatan Bersenjata Brunei akan mengadakan satu majlis tarian di-Shell Recreation Club, Seria pada malam 17 November.

Tujuan mengadakan majlis tersebut ia-lah untuk mengutip derma Hari Bunga Popy bagi membantu bekas parajurit2 peperangan dunia dan juga keluarga2 mereka.

Majlis itu telah di-adakan di- rumah Pemangku Setia Usaha Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei, Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib Haji Umar di-Kampung Sungai Kedayan pada malam Ahad yang lalu dan di-pimpin oleh Inche Mohamed bin Haji Serudin.

Pancharagam Dindang Irama Kronchong Orkest Brunei di-ke-tuai oleh Inche Awang Besar Sagap sendiri dan di-bawah pimpinan Inche Mohamed Sum bin Hashim telah menghiborkan hati para hadirin dengan lagu2 yang merdu dan sukramai.

Majlis itu di-buka oleh Yang Dipertua, Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei, Inche Kamaluddin bin Penyurat Haji Abu Bakar.

### AKAN DI-KENANG

Dalam ucapan-nya, Inche Kamaluddin telah meng-ucapkan satinggi2 tahniah kepada Inche Awang Besar Sagap yang telah mendapat kurnia'an Bintang Kehormatan S.M.B.

Beliau telah memujikan Inche Awang Besar Sagap terhadap masyarakat di-Negeri Brunei, terutama sa-kali di-lapangan seni musik dan berharap sa-moga jasa-nya itu akan di-kenangkan selama2-nya.

Di-antara lagu2 gubahan Inche Awang Besar Sagap ia-lah LAGU KEBANGSA'AN NEGERI BRUNEI dan lagu JIWA BANGSA.

Beberapa orang telah turut memberikan ucapan2 terhadap perkhidmatan Inche Awang Besar Sagap kepada masyarakat.

### UNTUK KEMAJUAN

Inche Awang Besar Sagap pu-la telah membalas ucapan2 itu dengan malafadzkan kata2 yang berharga dan berjanji bahawa selagi ada hayat-nya, beliau akan bergiat lebeh lagi di-lapangan seni musik dan akan memberi serba serbi pertolongan dalam lapangan itu untuk kemajuan-nya di-Negeri Brunei.

Atas permintaan ramai, pancharagam itu yang di-ke-tuai oleh Inche Awang Besar Sagap sendiri telah bermain lagu pujaan gubahan beliau pada masa sambutan2 Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa di-Brunei, ia-itu Jiwa Bangsa.

Majlis itu di-akhiri dengan para hadirin berdiri tegak pada masa pancharagam tersebut bermain satu lagi lagu gubahan Inche Awang Besar Sagap ia-itu Lagu Kebangsaan Negeri Brunei.

## PEPEREKSAAN BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI. —

Satu peperiksaan Bahasa Melayu untuk orang2 dewasa yang bukan Melayu, perangkat permulaan, pertama, kedua dan ketiga akan di-adakan pada 3, 4 dan 5 December.

Pendaftaran bagi mema-soki peperiksaan tersebut telah di-tutup pada penghujung bulan October yang lalu.

Sementara itu, menurut surat perkelilingan yang di-terbitkan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei, semua darjah dewasa akan di-tutup sa-lepas peperiksaan tersebut.

Darjah2 Dewasa itu akan di-buka sa-mula pada 7 January, 1963.

## PEPEREKSAAN MENAIP

BANDAR BRUNEI. — Satu peperiksaan menaip dalam Bahasa Melayu akan di-adakan pada 16 December tahun ini di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Peperiksaan itu akan di-adakan di-bawah anjoran Trengkas Melayu Institute, Persekutuan Tanah Melayu dan di-ke-lolakan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Negeri Brunei.

Peperiksaan menaip itu ada-lah di-bahagikan kepada dua perangkat, ia-itu perangkat permulaan dan perangkat sijil.

Bayaran masuk untuk tiap perangkat bagi sa-saorang ia-sapuluh ringgit.

Borang2 masuk boleh-lah di-dapati di-Pejabat Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Negeri Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada pejabat tersebut tidak lewat dari 10 November.


## MENGHADHIRI PERSIDANGAN KEWANGAN

BERAKAS. — Pegawai Kewangan Negeri Brunei, Yang Berhormat Inche M.D.B. Graham telah pulang ka-Brunei pada 27 October dengan kapal terbang dari Persekutuan Tanah Melayu sa-telah menghadiri persidangan sa-tengah tahun Lembaga Kewangan di-Kuala Lumpur.

Persidangan kewangan itu telah di-adakan pada 25 October dan di-pengerusikan oleh Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Melayu Inche Tan Siew Sin.

Para perwakilan yang meng-hadhiri persidangan itu ia-lah dari Brunei, Sarawak, Sabah, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

## BANJIR



Ini-lah satu pemandangan kawasan Maktab Perguruan Melayu Brunei di-Berakas pada masa berlaku banjir sa-telah hujan lebat menchorah turun selama beberapa jam dengan tidak berhenti2 pada satu hari dalam bulan Oktober yang lalu.

## Jawatan Kosong Sebagai Bidan

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk di-lantek sebagai Bidan2 Pelajar dalam Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan: Tiap2 pemohon mesti lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu, boleh bertutur dalam bahasa Melayu Pasar dan bujang.

Sukatan gaji: Bidan Pelajar — \$152 sa-bulan. Bidan Ter-lateh — \$183x7-204-211x10-260-280-290-300. Bidan Kanan — \$350-370-380x20-480.

Umor: Antara 18 hingga 40 tahun.

Masa perchubaaan ada-lah saperti di-bawah ini:

(a) Chalun2 yang di-pileh akan di-lantek sebagai Bidan2 Pelajar dalam perchubaaan selama 3 tahun, dan di-kehendaki men-jalani satu kursus latehan yang

akan di-sediakan oleh Pegawai Perubatan Negara, Brunei.

(b) Setelah tamat masa latehan selama 6 bulan, Bidan2 Pelajar yang tidak menjalani kursus dengan memuaskan boleh jadi akan di-berhentikan.

(c) Sekira-nya chalun2 di-dapati mengandong semasa men-jalani latehan, ia-nya akan di-berhentikan daripada perkhid-matan-nya.

Peperiksaan pelajar2: Setelah tamat tempoh tiga tahun, sesudah menjalani dan menghabiskan masa yang di-tetapkan oleh Pegawai Perubatan Negara dalam pekerjaan perbidanan, Bidan2 Pelajar ada-lah di-kehendaki mengambil peperiksaan

Lisan dan Praktik. Bidan2 Pelajar yang lulus dalam pe-periksaan ini akan di-beri satu Sijil sebagai Bidan2 Terlateh dan boleh jadi akan di-tetapkan di-dalam jawatan mereka sekira-nya ini di-sokong oleh Ketua Jabatan-nya.

Bidan2 ada-lah berhak di-naikan kepada pangkat Bidan Kanan.

Bidan2 Pelajar dan Bidan2 yang di-lantek di-bawah ranchangan ini ada-lah berhak men-dapat pakaian sama dengan perchuma dan alaon dhoby.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 November.

# PENGAWAL KASTAM BRUNEI KA-BANGKOK

**BERAKAS.**—Pengawal Kastam dan Bea, Negeri, Brunei, Yang Berhormat Inche Othman Chua Kwang Soon telah berlepas dengan kapal terbang ka-Bangkok melalui Singapura pada 22 October, 1962 untuk menghadiri Meshuarat Jawatan Kuasa Kerja mengenai Pentadbiran Kastam.

Persidangan tersebut di-adakan di-bawah naungan Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa2 Bersatu ("UNESCO") mulai daripada 25 October hingga 2 November.

Yang Berhormat Inche Othman Chua berkata kepada wartawan kita sa-belum beliau berlepas ka-Bangkok bahawa persidangan tersebut di-adakan sa-bagai lanjutan kepada persidangan yang lalu untuk memajukan dan menyenangkan peratoran2 Kastam bagi negeri2 yang termasuk dalam lengkongan Surohan Jaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh ("ECAFE").

Beliau berkata lagi bahawa persidangan itu di-adakan bukan nya dalam perkara bagi kegunaan pentadbiran Kastam yang sempurna, bahkan juga dengan tujuan bagi menyenangkan serta melichinkan aleran perniagaan antara bangsa.

Persidangan itu, kata-nya, ada-lah meliputi segala hal ehwal Kastam dan apa2 jua chadangan yang di-luluskan.

## DI-BENTANGKAN

Kemudian keputusan2 itu akan di-bentangkan kepada Kerajaan masing2 dalam lengkongan Surohan Jaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh untuk di-pertimbangkan dan di-ambil tindakan.

Di-antara Pegawai2 Kerajaan yang berada di-bangunan Lapangan Terbang Brunei untuk menguchapkan "Selamat Berangkat ka-Bangkok" kepada Yang Berhormat Inche Othman Chua, ia-lah Penasehat Perekonomian Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei, Doktor J.S. Gould; Penguasa Kastam dan Bea, Negeri Brunei, Inche Roslee Teo Kim Yau dan Pesuruh Jaya Kemajuan Negeri Brunei, Yang Berhormat Inche Sa'ad bin Marzuki.

# PARAJURIT2 BRUNEI BALEK BERCHUTI

**BANDAR BRUNEI.** — Enam puluh tujuh orang parajurit2 Askar Melayu Brunei telah balek ka-Tanah Ayer dari Persekutuan Tanah Melayu pada malam 30 October untuk menyempurnakan kelepanan masing2.

Parajurit2 itu ada-lah mengandongi 18 orang dari rombongan pertama dan 49 orang dari rombongan ke-lima.

Mereka telah belayar dari Singapura ka-Labuan dengan kapal "Keningau" dan dari Labuan telah belayar ka-Brunei dengan kapal "Bolkiah".

Beratus2 orang keluarga dan sahabat handai parajurit2 tersebut telah menyambut ketibaan mereka di-Tambatan Kastam Di-raja di-sini pada pukul 9 malam tersebut.

Parajurit2 itu di-jadualkan balek ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 29 November untuk meneruskan latehan di-Pusat Latihan Tentera di-Negeri Sembilan.

Sementara itu dua puluh orang parajurit2 Askar Melayu Brunei telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu pada pertengahan bulan yang lalu untuk meneruskan latehan di-sana sa-telah menghabiskan chuti sa-lama empat minggu di-Negeri Brunei.

## JAWATAN KOSONG

Pemohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Hal-Ehwal Agama, Brunei.

Gaji ialah dalam tingkatan E.1-2-3 \$183 x 7-211-220 x 10-260 x 20-280-290-300.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan dan pengalaman seperti berikut boleh di-timbangan:

- (a) Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat2 Sultan Brunei atau pun berhak untuk menjadi ra'ayat2 Sultan.
- (b) Pemohon2 mesti-lah berke-lulusan Darjah V Sekolah Melayu dan Form I Sekolah Inggeris atau yang bersamaan.
- (c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai tulisan yang baik.
- (d) Pemohon2 mesti-lah berke-lulusan Ilmu Hisab Bahagian Rendah.
- (e) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2nya 2 tahun dalam hal setor.

Pemohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh didapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 16 November, 1962.

# PESUROH JAYA TINGGI BUKA PASAR PERDAGANGAN

**BANDAR BRUNEI.** — Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White telah merasmikan pembukaan Pasar Perdagangan Dewan Belia Antara Bangsa, Bandar Brunei pada pukul 6 petang hari Jumaat 26 October.

Pasar Perdagangan itu telah di-adakan selama tiga malam berturut2 mulai dari malam 26 October dengan mendapat sambutan yang baik dari orang ramai. Kutipan2 yang di-perolehi dari jualan tiket masuk dan lain2-nya akan di-dermakan pada badan2 kebajikan dalam negeri ini.

Yang Terutama Sir Dennis White telah di-sambut ketika tiba di-hadapan pasar perdagangan tersebut oleh Yang Dipertua Dewan Belia Antara Bangsa, Bandar Brunei, Yang Berhormat Inche Zaini bin Haji Ahmad.

Kemudian Sir Dennis White di-perkenalkan oleh Yang Berhormat Inche Zaini kepada Pengerusi, Jawatan Kuasa Pasar Perdagangan Dewan Belia Antara Bangsa, Bandar Brunei, Inche Patrick Sim Song Juay dan Ahli2 Jawatan Kuasa pasar perdagangan itu serta ahli2

Dewan Belia Antara Bangsa, Bandar Brunei.

Sa-belum Sir Dennis White mengishtiharkan pembukaan rasmi pasar perdagangan tersebut satu ucapan telah di-lafadzkan oleh Pengurus Jawatan Kuasa pasar perdagangan tersebut, Inche Patrick Sim Song Juay.

Inche Sim telah menguchapkan berbilang2 terima kaseh kepada Sir Dennis White yang telah sudi hadir di-majlis tersebut dan seterusnya membuka pasar perdagangan itu.

Beliau juga telah menguchapkan terima kaseh atas kehadiran

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan lain2 para jempitan serta juga kepada Pegawai2 dan Jabatan2 Kerajaan, sharikat2 perniagaan serta lain2-nya yang telah bekerjasama untuk menjayakan pasar perdagangan tersebut.

Dalam ucapan-nya Sir Dennis White telah menguchapkan tahniah kepada Dewan Belia Antara Bangsa, Bandar Brunei yang telah berusaha mengadakan pasar perdagangan tersebut untuk mengutip derma bagi membantu badan2 kebajikan dalam Negeri Brunei.

Sir Dennis White berharap agar-nya usaha sa-macam itu dan lain2-nya akan di-laksanakan oleh Dewan Belia Antara Bangsa, Bandar Brunei pada masa hadapan kelak.



Pengerusi Jawatan Kuasa Pasar Perdagangan Dewan Belia Antara Bangsa, Bandar Brunei, Inche Patrick Sim Song Juay kelihatan dalam gambar ini memberi ucapan di-majlis pembukaan rasmi pasar perdagangan itu oleh Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White kelihatan nombor dua dari kiri. Di-kiri sa-kali ia-lah Yang Berhormat Inche Zaini bin Haji Ahmad, Yang Dipertua Dewan Belia Antara Bangsa, Bandar Brunei dan lain2-nya di-barisan hadapan ia-lah Ahli2 Jawatan Kuasa pasar perdagangan tersebut.

## Pelawat2 Dari Amerika

**BANDAR BRUNEI.** — Seramai 26 orang pelancong bangsa Amerika telah melawat ka-Brunei baharu2 ini dalam bidang kunjangan mereka mengelilingi dunia.

Para pelancong itu telah tiba di-Brunei dari Hong Kong pada petang 28 October dan telah berlepas ka-Kuching pada 29 October.

## MELAWAT BRUNEI

**BERAKAS.** — Konsol Agong Pranchis di-Singapura, Inche V.P. Le Lehe'tec telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini sa-telah melawat ka-Miri, Sarawak.

Dalam masa lawatan tersebut, Konsol Agong Pranchis itu telah melawat ka-kawasan telaga minyak di-Seria dan ka-lain2 tempat di-negeri ini, termasuk-lah ka-kawasan Kampong Ayer.

Ia juga telah melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin dalam masa kunjangan-nya itu ka-Brunei.

## Inche Shadbolt

**BERAKAS.** — Inche M. Shadbolt, sa-orang pengarang buku2 dari New Zealand telah melawat ka-Brunei pada 30 October dalam bidang lawatan-nya ka-Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Brunei dan Sabah untuk mengumpul bahan2 mengenai pembentokan Persekutuan Melayu Raya.

# WAYANG GAMBAR KERAJAAN

Pertunjukan wayang gambar Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Kerajaan Brunei dalam bulan ini ada-lah seperti berikut:

7 November: Sekolah Melayu Baru-Baru. 8 November: Sekolah Melayu Berbunot. 10 November: Kampong Pulaie, Berakas. 12 November: Sekolah Melayu Bunot. 13 November: Sekolah Melayu Sengkurong dan Sekolah Melayu Danau, Tutong. 14 November: Sekolah Melayu Kupang dan Padang Kechil, Kuala Belait. 15 November: Sekolah Melayu Lamunin.

17 November: Sekolah Melayu Mentiri, Jalan Muara dan Klab Melayu Shell, Seria. 19 November: Sekolah Melayu Sungai Liang. 20 November: Sekolah Melayu Keriam, Tutong. 21 November: Sekolah Melayu Penanjong dan Maktab Anthony Abell, Seria. 22 November: Sekolah Melayu Bukit Bendira, Tutong dan kawasan Balai Pulis Simpanan, Daerah Belait. 24 November: Sekolah Melayu

Lumapas dan Kampong Tumpuan Telisai, Daerah Tutong. 26 November: Sekolah Melayu Tanjung Maya, Daerah Tutong. 27 November: Sekolah Melayu Layong dan kawasan Balai Pulis Panaga, Lorong 14 Seria. 28 November: Sekolah Melayu Ukong. 29 November: Sekolah Melayu Rambai dan Kampong Kuala Balai, Ulu Belait.

## Berlath Di-Malaya

BANDAR BRUNEI. — S rombongan 20 orang rekrut Pulis Brunei telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu baru2 ini untuk berlath di-Pusat Lath Pulis Di-raja Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur.

Rombongan itu ada-lah diketuai oleh Koprul Pengiran Damit bin Pengiran Ahmad.

# Pelayaran Brunei-Labuan

BANDAR BRUNEI. — Kapal feri kepunyaan Kerajaan Brunei yang berulang alek di-antara Bandar Brunei dan Labuan pada tiap2 hari Isnin, Rabu dan Juma'at tidak-lah lagi belayar di-antara kedua2 pelabuhan tersebut pada hari2 Rabu mulai hari 6 November, 1962.

Mulai dari tarikh tersebut kapal feri itu belayar di-antara Brunei dan Labuan pada tiap2 hari Isnin, Selasa dan Juma'at.

Perubahan hari pelayaran kapal feri itu di-buat ia-lah disebabkan lapangan terbang Brunei di-perbaiki mulai dari awal bulan ini dan kapal2 terbang yang besar seperti Viscount yang membawa penumpang2 dari luar negeri ka-Brunei atau dari Brunei ka-luar negeri tidak-lah dapat mendarat di-lapangan terbang tersebut, buat sementara waktu.

Sungguh pun hari pelayaran

kapal feri itu di-ubah, tetapi masa pelayaran di-antara kedua2 pelabuhan tersebut ada-lah seperti biasa, ia-itu belayar dari Brunei ka-Labuan pada pukul 7.45 pagi dan belayar dari Labuan ka-Brunei pada pukul 2 petang.

## Konsol Agong Amerika Melawat Brunei

BERAKAS. — Konsol Amerika Sharikat di-Surabaya, Indonesia, Inche R.S. Black dan isteri-nya telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Singapura pada 23 Oktober dalam bidang lawatan mereka ka-Negeri2 Brunei, Sarawak dan Sabah.

Mereka telah berlepas ka-Jesselton dengan kapal terbang pada 25 Oktober.

# SIARAN RADIO BRUNEI BAHAGIAN MELAYU

Rancangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu mulai dari 7 November hingga 13 November ada-lah seperti berikut:—

### RABU — 7 NOVEMBER

**Siaran Pagi**  
6.30 Selamat Sejahtera  
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian  
6.45 Lagu2 Kronchong  
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya Warta Berita  
7.05 Pilehan Juru-Hebah  
7.30 Rehat

**Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Hiboran  
12.45 Halaman Perbincangan — (S.U.)  
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.15 Lagu2 Rampaian  
1.30 Rehat

**Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera.  
7.02 Hiboran  
7.15 Hiboran Pancharagam — Penerbit Abd. Wahab Mohd.  
7.45 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh Dk. Intan  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.59 Siaran Melayu Tammat

### KAMIS — 8 NOVEMBER

**Siaran Pagi**  
6.30 Selamat Sejahtera  
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian  
6.45 Lagu2 Hiboran  
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya Warta Berita  
7.05 Perminta'an Sambil Sarapan  
7.30 Rehat

**Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Lagu2 Nyanyian Kamariah  
12.45 Majallah Sain dan Perusahaan — (S.U.)  
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.30 Rehat  
**Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera.  
7.02 Bacha'an Al-Koran  
7.15 Kursus Al-Koran—Oleh Tuan Haji Khalidi  
7.45 Sharahan Ugama  
8.00 Lagu2 Masir  
8.15 Sejarah Islam

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.45 Tafsir Al-Koran—Oleh Ustaz Salleh Haji Abdul Majid  
8.59 Siaran Melayu Tammat

### JUMA'AT — 9 NOVEMBER

**Siaran Pagi**  
6.30 Selamat Sejahtera  
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian  
6.45 Lagu2 Hiboran  
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya Warta Berita  
7.05 Pilehan Juru-Hebah  
7.30 Rehat  
9.01 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian  
9.15 Lagu2 Melayu Asli  
9.30 Pelajaran Ugama Di-Udara — Oleh Pa'Ngah  
9.45 Jamatul Anashid — Pimpinan Abd. Kadir Awang  
10.00 Lagu2 Berupa Tanpa Nyanyian  
10.15 Rengkasannya Warta Berita  
10.20 Hiboran  
10.29 Rehat

**Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Mimbar Islam—Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, selepas itu diikuti dengan Lagu2 Masir  
1.30 Rehat  
1.45 Hiboran Penutup  
2.00 Rehat  
**Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera.  
7.02 Hiboran Pembuka'an  
7.15 Sandiwara Radio — Penerbit Abd. Wahab Mohd.  
8.00 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh Dk. Intan  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.45 Hiboran Akhir  
8.59 Siaran Melayu Tammat

### SABTU — 10 NOVEMBER

**Siaran Pagi**  
6.30 Selamat Sejahtera  
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian  
6.45 Hiboran  
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya Warta Berita  
7.05 Perminta'an Sambil Sarapan  
7.30 Rehat  
**Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Hiboran

12.45 Asohan Wanita — (S.U.)  
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.15 Lagu2 Rampaian  
1.30 Rehat

### Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.  
7.02 Lagu2 Hiboran  
7.15 Majallah Melalui Udara — Rakaman VOA—Othman Kamaruddin  
7.30 Lagu2 Jenaka  
7.45 Penjajahan Di-Asia Tengah—Rakaman VOA—A. Bakar  
8.00 Lagu2 America Selatan — (Tanpa Nyanyian)  
8.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.45 Hiboran Malam Ahad  
8.59 Siaran Melayu Tammat

### AHAD — 11 NOVEMBER

**Siaran Pagi**  
6.30 Selamat Sejahtera  
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian  
6.45 Lagu2 Dondang Sayang  
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya Warta Berita  
7.05 Pilehan Juru-Hebah  
7.30 Rehat  
9.00 Selamat Sejahtera  
9.02 Senandung Pagi  
9.15 Ruangan Masak2kan — Zainab Z. Abidin  
9.30 Ruangan Apa Khabar — Zainab Z. Abidin  
10.15 Rengkasannya Warta Berita  
10.20 Lagu Hiboran  
10.29 Rehat

**Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Permainan Pancharagam — Penerbit Othman Kamaruddin  
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.15 Lagu2 Berirama Tango  
1.30 Rehat

**Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera  
7.02 Hiboran Pembuka'an  
7.15 Majallah Radio — Penerbit Othman Kamaruddin  
7.45 Lagu2 Dari Hawaii  
8.00 Bahasa dan Kesustera'an  
8.15 Lagu2 Berima Waltz  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.59 Siaran Melayu Tammat

### ISNIN — 12 NOVEMBER

**Siaran Pagi**  
6.30 Selamat Sejahtera  
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian  
6.45 Lagu2 Hiboran  
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya Warta Berita  
7.05 Pilehan Juru-Hebah  
7.30 Rehat  
**Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Lagu2 Nyanyian S.M. Salim  
12.45 Latar Belakang—(S.U.)  
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.15 Hiboran Penutup  
1.30 Rehat  
**Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera  
7.01 Hiboran  
7.15 Cherita Pendek — (S.U.)  
7.30 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh Zainab Z. Abidin  
8.15 Majallah Sain dan Perumahan—Rakaman BBC London  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.45 Lagu2 Lama dan Baru  
6.30 Selamat Sejahtera  
8.59 Siaran Melayu Tammat

### SELASA — 13 NOVEMBER

**Siaran Pagi**  
6.30 Selamat Sejahtera  
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian  
6.45 Lagu2 Senandung Pagi  
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya Warta Berita  
7.05 Perminta'an Sambil Sarapan  
7.30 Rehat  
**Siaran Tengah Hari**  
12.30 Selamat Sejahtera  
12.32 Lagu2 Perminta'an — Oleh P. Mohd.  
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita  
1.15 Hiboran  
1.30 Rehat  
**Siaran Malam**  
7.00 Selamat Sejahtera  
7.02 Hiboran  
7.15 Ruangan Pemuda Pemudi — Zainab Z. Abdullah  
7.45 Pilehan Sendiri — Penerbit Othman Kamaruddin  
8.15 Ilmu Pengetahuan — Rakaman VOA  
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita  
8.45 Cherita Seram  
8.59 Siaran Melayu Tammat

# SAMBUTAN HARI PUJA USIA D. Y. M. M. DI-KOLEJ ISLAM

**BANDAR BRUNEI.** — Pelajar2 Brunei di-Kolej Islam Malaya telah mengadakan satu majlis sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin di-dewan Kolej itu pada hari tersebut.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkihah dan Pengetua Kolej Islam Malaya Doktor Muhammad Abdul Rauf telah hadir di-majlis tersebut.

Di-antara para tetamu yang hadir di-majlis itu ia-lah Putera2 Duli Pengiran Bendahara; Putera2 Duli Pengiran Pemancha; Pegawai2 Kerajaan Brunei yang menghadiri kursus di-Kuala Lumpur; Wakil2 Angkatan Tentera Brunei di-Port Dickson, Negeri Sembilan; Pelajar2 Brunei di-Kuala Lumpur; Wakil2 pelajar Kolej Islam dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan Negeri Siam.

Inche Abdul Hamid Bakal, Pengerusi Jawatan Kuasa majlis sambutan yang terma'lom menyatakan di-majlis tersebut bahawa tujuan mengadakan majlis sambutan itu ia-lah terutama-nya kerana di-dorong oleh perasaan yang ingin menyatakan rasa keshukoran kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kurnia-nya yang melanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang kini telah mencapai usia Baginda yang ka-46 tahun.

Di-samping itu, kata-nya, dalam sa'at2 yang mengembirakan ini, maka majlis itu dapat di-jadikan sa-bagai satu chara untuk berkenalan2 dengan lebeh dekat di-antara satu dengan lain, terutama-nya warga negara Brunei yang ada di-Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.

Yang Mulia Doktor

Muhammad Abdul Rauf telah juga memberi ucapan di-majlis tersebut. Antara lain beliau menyatakan bahawa "dalam usaha untuk me-ujudkan Kolej Islam Malaya, maka nama Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei tidak dapat di-lupakan sama sekali dalam sejarah pembangunan Kolej Islam.

"Dengan jasa baik dan usaha Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Brunei, maka Kolej Islam dapat berdiri tegak dengan jaya-nya. Dengan bantuan dan kurnia Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan maka sa-buah khutub khannah Kolej Islam telah dapat di-tubuhkan yang dengan-nya Kolej Islam dapat membanggakan diri-nya."

Seterus-nya Doktor Muhammad Abdul Rauf berkata bahawa majlis seperti itu memang sudah sepatut-nya di-adakan dan Kolej Islam merasa bertuah kerana dengan usaha pelajar2 Brunei yang ada di-Kolej Islam dan dengan kerajinan mereka, Kolej Islam juga turut berbangga. Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei ada-lah sa-orang Raja Islam dan Negeri Brunei ada-lah Negeri Islam. Yang demikian ada-lah sebaik2 bakti



Gambar atas: Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan rombongan kelihatan di-sambut oleh Ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia di-Kolej Islam Malaya ketika tiba di-Kolej Islam itu. Gambar bawah: Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota kelihatan sedang menerima ucapan persembahan Hari Puja Usia D.Y.M.M. dari Setia Usaha majlis sambutan itu, Inche Yahya Haji Ibrahim.

bagi mengadakan majlis sambutan itu.

Beberapa orang telah memberi ucapan di-majlis tersebut dan semua-nya berdo'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala sa-moga di-lanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'dul Khairi Waddin.

Majlis itu telah menjadi lebeh kagum dan mempunyai suasana Brunei yang asli, bila upacara membacah Uchapan Persembahan Puja Usia DYMM, di-jalankan. Uchapan Persembahan Puja Usia itu telah di-buat khas dengan ukiran dan tulisan keemasan yang indah. Sa-telah di-bachakan, ucapan persembahan itu telah di-sembahkan kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei oleh Setia Usaha majlis sambutan Inche' Yahya Haji Ibrahim.

Dalam membalas ucapan2, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota telah mengucapkan tahniah atas kejayaan jawatan kuasa majlis itu dan mengharapkan supaya "majlis yang sedemikian ini hendak-lah di-jadikan juga sebagai salah satu jalan untuk berkenalan2 dengan lebeh rapat antara kita sesama kita yang jauh dari Tanah Ayer, supaya dengan itu bila kita kembali nanti, maka semangat bersatu padu itu akan dapat diamalkan dalam berkhidmat kepada negara".

Bacahan doa' selamat telah di-sampaikan oleh Inche' Ibrahim Mudim Haji Ismail dalam Bahasa Melayu.

Majlis itu telah di-mulakan

dengan memperdengarkan Lagu Kebangsaan Brunei dan bacaan Al-Koran, dan telah ditamatkan dengan Lagu Kebangsaan Brunei dan Negaraku (Lagu Kebangsaan Persekutuan).

Sa-belum berangkat pulang, Yang Teramat Mulia Duli2 Pengiran Muda telah beramah tamah dengan seluruh hadirin dengan suasana mesra dan bergambar ramai.

Majlis itu telah selesai pada jam 6.15 petang dengan tepok sorak yang bergemuruh sebagai tanda gembira dan sebagai chatatan sejarah yang mula sekali bagi saorang Sultan di-luar Persekutuan di-peringati hari puja usia baginda di-Kolej Islam Malaya. —Kiriman Inche Yahya Haji Ibrahim.

## Meshuarat Agong K.B.R.C.

**KUALA BELAIT.** — Satu usul untuk mengeneipkan yuran2 yang tidak di-bayar telah di-luluskan dalam Meshuarat Agong Ulang Tahun, Kuala Belait Recreation Club dalam bulan Oktober yang lalu.

Di-antara lain2 usul yang di-persetujui dalam meshuarat itu ia-lah persatuan tersebut akan melancharkan satu kempen untuk menambahkan ahli2-nya.

Pegawai2 baharu Kuala Belait Recreation Club yang telah di-lantek dalam meshuarat tersebut ia-lah seperti di-bawah ini:

Yang Dipertua — Inche J. Beazely. Naib Yang Dipertua — Inche John Cardoza. Setia Usaha Kehormat — Inche J. P. James. Penyimpan Wang Kehormat — Inche G.O. Leong.

## RAMBUTAN KENANG2AN SEKOLAH



Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Mohamed kelihatan dalam gambar ini sedang menanam pokok rambutan di-upacara pembukaan rasmi Sekolah Melayu Bakiaw baharu2 ini.

# SHARIKAT MINYAK SHELL HADIAH PEMBESAR SUARA KAPADA MESJID PANCHOR MURAI

PANCHOR MURAI. — Pengarah Urusan, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Yang Berhormat Inche P.M. Linton telah menghadiahkan alat2 pembesar suara bagi pehak Sharikat Minyak kepada Mesjid Kampung Panchor Murai pada pagi hari Juma'at yang lalu.

Mesjid Kampung Panchor Murai itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha pada 21 November empat tahun dahulu.

## Menghadhiri Kongres Kesatuan Sekerja

BERAKAS. — Pesuruh Jaya Buroh Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengiran Bahar bin Pengiran Anak Hashim telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada hari Khamis 1 November untuk menghadiri upacara pembukaan Perhimpunan Kongres Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan Tanah Melayu.

Persidangan itu di-adakan di-Plantation House, Petaling Jaya, Kuala Lumpur sa-lama tiga hari mulai dari 3 November.

Sementara itu Awang Jaya bin Abdul Latiff telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada hari Sabtu yang lalu untuk menghadiri Kongres tersebut sa-bagai sa-orang pemerhati dari Negeri Brunei.

## Doktor Rice

BERAKAS. — Doktor F. Bruce Rice, Ketua Pegawai Kesehatan bahagian Gigi dari Ibu Pejabat Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia di-Geneva telah mengadakan lawatan selama lima hari ka-Negeri Brunei baharu2 ini.

Doktor Rice telah melawat ka-Brunei bersama2 dengan isterinya, dalam bidang lawatan-nya ka-beberapa buah negeri.

Mereka telah berlepas ka-Kuching pada 1 November dan di-antara-nya yang telah meng-ucapkan "selamat jalan" kepada mereka di-lapangan terbang Brunei ia-lah Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Doktor Abdul Wahab Ariff.

## AMARAN PULIS

KUALA BELAIT. — Pulis Kuala Belait telah mengeluarkan satu amaran kepada orang2 yang mempunyai basikal supaya meng-unchi basikal mereka sa-belum meninggalkan-nya.

Amaran tersebut telah di-buat berikutan dengan beberapa kejadian kechurian basikal di-Daerah Belait baharu2 ini.

Menurut satu keterangan dari sa-orang juruchakap Pulis, enam buah basikal telah di-churi di-Daerah Belait dalam bulan September yang lalu.

Yang Berhormat Inche Linton telah di-iringi oleh Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Inche P.A. Coates dan penolong-nya Inche Chua Kong Heng.

Dalam ucapan-nya di-majlis tersebut Inche Linton berkata bahawa Sharika Shell berasa sukachita menghadiahkan alat2 pembesar suara itu kepada Mesjid Kampung Panchor Murai dan berharap sa-moga alat2 pembesar suara itu akan dapat di-gunakan buat selama2-nya.

Beliau berkata lagi bahawa

Sharikat Minyak Shell sentiasa sukachita memberi berbagai2 pertolongan kepada penduduk2 di-negeri ini, bukan sahaja menghadiahkan alat2 pembesar suara kepada beberapa buah Mesjid di-kampung2 dalam negeri ini, bahkan Sharikat Minyak Shell juga sukachita menghadiahkan derma2 siswa kepada penuntut2 dalam Negeri Brunei.

Inche Tahir bin Tuah telah memimpin majlis tersebut. Majlis itu di-buka dengan bacaan Al-koran oleh Ustaz Salleh Karim dan di-tutup dengan bacaan do'a selamat oleh Ustaz Ramli bin Haji Ahmad, Guru Ugama Sekolah Melayu Panchor Murai. Di-antara orang yang memberi ucapan di-majlis itu ia-lah Ustaz Abdul Latiff Haji Hashim, Pegawai Penterjemah di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

## Wakil2 Kongres Islam Sa-Dunia Melawat Brunei



Dua orang wakil dari Kongres Islam Sa-dunia telah melawat ka-Brunei selama empat hari dalam bulan Oktober yang lalu. Mereka telah menjadi tetamu kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei. Gambar ini di-ambil di-lapangan terbang Brunei menunjukkan Wakil2 Kongres Islam Sa-dunia itu pada masa mereka tiba di-sini. Dari kiri ia-lah Mufti Negeri Brunei, Tuan Haji Ismail Omar Abdul Aziz, Sahibul Fadhilah Khaidir Kamil Al-Husain, Sahibul Fahilah An-Amullah Khan dan Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin. Berita lawatan Wakil2 Kongres Islam itu telah di-siarkan dalam akhbar ini pada 17 Oktober, 1962.

## SHARAHAN2 UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei akan melawat ka-tempat2 dan pada tarikh2 yang di-bawah ini untuk memberi sharahan berkenaan dengan Uga-ma Islam.

Hari Jumaat 9 November — Kampong Kiulap mulai daripada pukul 2.30 petang hingga ka-pukul 4.30 petang dan di-Sekolah Melayu Kati Mahar pada masa tersebut juga.

Hari Jumaat 16 November — Mesjid Kuala Balai mulai daripada pukul 11 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari. Sekolah Melayu Kuala Balai mulai daripada pukul 2 petang hingga ka-pukul 3.30 petang. Kampong Sungai Kedayan mulai daripada pukul 2.30 petang hingga ka-

pukul 4.30 petang.

Hari Jumaat 23 November: Sekolah Melayu Baru-Baru mulai daripada pukul 3 petang hingga ka-pukul 5 petang. Sekolah Melayu Birau mulai daripada pukul 3 petang hingga ka-pukul 5 petang.

Hari Jumaat 30 November: Sekolah Melayu Lamunin mulai daripada pukul 3 petang hingga ka-pukul 5 petang dan di-Kampong Pengiran Bendahara Lama mulai daripada pukul 2.30 petang hingga ka-pukul 4.30 petang.

## MENTERI BUROH MALAYA MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Menteri Buroh Persekutuan Tanah Melayu, Yang Berhormat Inche Bahaman bin Shamsuddin telah melawat ka-Brunei baharu2 ini selama tiga hari dalam bidang lawatan beliau ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Sabah.

Beliau telah di-temani oleh Pesuruh Jaya Buroh Persekutuan Tanah Melayu Inche S. Kumar dan Setia Usaha kepada Kementerian Buroh Persekutuan Tanah Melayu Inche Ismail Ibrahim.

Rombongan tersebut telah di-temui di-Lapangan Terbang Berakas oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamaralzaman; Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Dato Abdul Aziz bin Haji Mohamed Zain; Pesuruh Jaya Buroh Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim dan Inche Sani bin Ahmad dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei.

## JAWATAN KOSONG

Pemohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenuhi kekosongan sebagai Penyambut di-Hospital dalam Jabatan Perubatan, Brunei.

Gaji: Dalam tingkatan D(b) 1-2-3-4-5-6 \$190x-7-204-211-220x 10-260-280-290x350.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelavakan seperti di-bawah ini sahaja akan di-pertimbangkan.

(a) Pemohon2 mestilah ra'ayat Sultan atau yang berhak menjadi ra'ayat Sultan.

(b) Pemohon2 mesti-lah sa-orang perempuan yang berumur 18 tahun dan tidak lebeh daripada 25 tahun.

(c) Pemohon2 mesti-lah lulus Form II Sekolah Inggeris dan Darjah IV Sekolah Melayu.

(d) Pemohon2 mestilah mempunyai kebolehan bertutor dalam bahasa Melayu dengan baik.

Chalun yang di-pileh akan menjalani masa perchubaaan selama 3 tahun. Dalam masa tersebut sekira-nya perkhidmatan-nya di-dapati memuaskan dan sekira-nya ia di-sokong oleh Ketua Jabatan maka ia akan di-tetapkan dalam jawatan-nya, sebalik-nya kalau perkhidmatan-nya itu tidak memuaskan maka ia akan di-bertentikan.

Chalun yang berjaya akan diberi pakaian sama dengan per-chuma.

Pemohonan2 yang mesti di-penhkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 November, 1962.



Gambar kiri sa-kali: Peserta nombor 155 Inche Mohamed bin Baha yang berjaya mendapat gelaran yang ke-tiga dalam perlumbaan berjalan kaki bahagian "Senior". Sungguh pun ia bergembira atas kemenangan-nya itu, akan tetapi tidak dapat berchakap kerana ia "babau". Inche Mohamed bin Baha telah berhasil di-pilih untuk mengambil bahagian dalam pertandingan perengkat akhir "Mister Brunei" dalam bulan September tahun ini. Sungguh pun ia tidak dapat jadi "Mister Brunei" tetapi ia berasa gembira juga kerana ia telah mengambil bahagian dalam pertandingan perengkat akhir itu. Gambar ke-dua dari kiri—Dayangku Halimah johan bahagian perempuan perlumbaan berjalan kaki tersenyum sa-telah mendapat hadiah dari Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara. Gambar nombor dua dari kanan — johan perlumbaan berjalan kaki bahagian "Junior", Mustapha Al-Johari kelihatan sedang menerima hadiah2-nya. Gambar kanan sa-kali ia-lah suami-isteri yang berjaya dalam perlumbaan tersebut. Peserta nombor 46, Inche Momin menjadi johan dalam bahagian "Senior" dan isteri-nya nombor 25 mendapat gelaran yang ke-lima dalam bahagian perempuan.

# PERLUMBAAN BERJALAN KAKI MENDAPAT SAMBUTAN YANG HANGAT

**BANDAR BRUNEI.** — Satu perlumbaan berjalan kaki anjoran Persatuan Negeri Brunei telah di-langsungkan pada 28 Oktober lepas, dan telah mendapat sambutan hangat bukan saja daripada pesertanya, bahkan juga dari kalangan orang ramai.

Perlumbaan itu di-adakan dalam jarak sa-jauh 17 batu, ia-itu dari hujung Jalan Muara ka-Bandar Brunei, bagi peserta lelaki dan tujuh batu sa-tengah, ia-itu dari Sekolah Melayu Sungai Hanching ka-Bandar Brunei bagi peserta2 perempuan.

## BERDUYUN2

Sejak awal2 pagi itu peserta2 lelaki dan perempuan kelihatan berduyun2 menuju ka-hadapan Bangunan Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei, berkumpul, dan dari sana mereka di-bawa dengan beberapa buah kereta ka-tempat2 berlepas.

Kira2 tiga orang peserta2, termasuk lebih dari empat puluh orang peserta2 perempuan telah mengambil bahagian dalam perlumbaan berjalan kaki itu.

Perlumbaan bagi lelaki di-bahagi kepada tiga bahagian — orang2 tua (veteran), orang dewasa (senior) dan kanak2 (junior). Perlumbaan antara pasokan2, 10 orang sa-pasokan, juga telah di-adakan bagi peserta2 lelaki.

Sa-telah semua para peserta berada di-tempat2 berlepas, peserta2 dalam bahagian orang2 tua telah mula berlepas dari hujung Jalan Muara itu pada jam 7.00 pagi, dan kemudian-nya diikuti dengan peserta2 dalam bahagian orang2 dewasa dan kanak2 kira2 dua puluh minit kemudian-nya.

## SA-PANJANG JALAN

Kemudian ahli2 jawatan kuasa pelepas pun terus pergi ka-tempat peserta2 perempuan di-hadapan Sekolah Melayu Sungai Hanching untuk memulakan perlumbaan tersebut.

Di-tempat2 jalan sa-panjang Jalan Brunei/Muara orang ramai telah berkumpul di-sana sini menunggu untuk menyaksikan bersama peserta2 melimpasi mereka di-sepanjang jalan itu.

Kereta2 pertolongan chemas

mengikutkan perlahan2 di-sapanjang perlumbaan itu di-jalankan.

Perlu di-sebut di-sini, ia-itu keadaan chuacha hari itu panas trek dengan hanya sa-dikit tiupan angin.

Di-tempat penghabisan per-

lumbaan itu ia-lah di-hadapan Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, dan di-sini orang ramai dan hakim2 serta ahli2 jawatan kuasa telah sedia berkumpul menunggu2 akan kedatangan peserta2 perlumbaan itu.

Jalan raya di-hadapan bangunan itu di-tutup untuk lalu lintas kereta2 dan pegawai2 pulis berwaspada menjaga keselamatan

## TARIKH2 PERLAWANAN BOLA SEPAK SEKOLAH2

**BANDAR BRUNEI.** — Tarikh2 perlawanan bola sepak sekolah2 dalam kawasan Bandar Brunei ada-lah seperti di-bawah ini:

Hari ini: Pukul 4.15 ka 5.05 petang: Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Pasokan "A" melawan Sekolah Melayu Leila Menchanai, Pasokan "A". Pengadil-nya ia-lah Inche Ali bin Hitam, dan penjaga2 tepi ia-lah dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Hari ini: Pukul 5.10 — 6.10 petang: Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Pasokan "B" melawan Sekolah Melayu Leila Menchanai, Pasokan "B". Pengadil-nya ia-lah Inche Ibrahim Yahya, manakala penjaga2 tepi-nya ia-lah dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Hari Jumaat 9 November: Pukul 4.15 — 5.05 petang: Sekolah Melayu Leila Menchanai Pasokan "A" melawan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Pasokan "A". Pengadil-nya ia-lah Inche Mustafa bin Ahmad. Penjaga2 tepi — Wakil Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Hari Jumaat 9 November: Pukul 5.10 — 6.10 petang: Sekolah Melayu Leila Menchanai

Pasokan "B" melawan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Pasokan "B". Pengadil — Inche Ahmad Sagap. Penjaga2 tepi — wakil Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Hari Ithnin 12 November: Pukul 4.15 — 5.05 petang: Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Pasokan "A" melawan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam. Pengadil — Inspektor Abu Zar bin Abu Bakar. Penjaga2 tepi — wakil Sekolah Melayu Leila Menchanai.

Hari Ithnin 12 November: 5.10 — 6.10 petang: Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Pasokan "B" melawan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam Pasokan "B". Pengadil — Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid Penjaga2 tepi — wakil Sekolah Melayu Leila Menchanai.

Segala perlawanan bola sepak tersebut akan di-adakan di-padang besar Bandar Brunei dan pasokan yang tidak hadir pada tarikh, waktu dan tempat yang telah di-tetapkan itu di-kira kalah.

dan mengawal perjalanan kereta2 lalu lintas yang berhampiran di-situ.

Peserta yang mula2 sampai di-pancang penghabisan ia-lah dari bahagian perempuan ia-itu kira2 lewat pukul sembilan dan yang akhir sa-kali sampai kira2 pada pukul 12.00 tengahhari dengan peserta lelaki bahagian orang2 dewasa.

Upacara menyampaikan hadiah dan sijil2 di-langsungkan sa-baik sahaja perlumbaan itu sa-lesai.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dengan murah hati telah menyampaikan hadiah2 dan sijil2 tersebut.

Keputusan perlumbaan berjalan kaki ada-lah seperti berikut:

Bahagian orang2 tua: 1. Abdul Wahab Ahmad (masa—3 jam, 44 minit dan 10 sa'at), 2. Mohammad Rali, 3. Haji Noordin.

## HADIAH2 KHAS

Bahagian orang dewasa: 1. A. Momin (masa—3 jam, 9 minit dan 26 sa'at), 2. Joseph Chin, 3. Mohammad bin Baha.

Bahagian kanak2: 1. Mustapha Al-Johari (masa—3 jam, 18 minit dan 46 sa'at), 2. Ak. Hashim bin Pengiran Chuchu, 3. Ak. Taib bin Pengiran Mohammad.

Bahagian perempuan: 1. Dk. Halimah binti Pengiran Apong (masa—1 jam, 27 minit dan 15 sa'at), 2. Dayangku Maimunah, 3. Mary Chin.

Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei "A" telah mendapat tempat yang pertama dalam bahagian orang2 dewasa, dan pasokan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam "A" mendapat tempat yang pertama dalam bahagian kanak2.

Hadiah2 khas kepada pemenang2 kanak2 yang berumur 16 tahun ka-bawah telah juga di-berikan.

Dalam bahagian ini hadiah yang pertama jatuh kepada Adenan Othman, kedua kepada Wong Hon Chin, dan ketiga kepada Samad A. Bakar.

# Persidangan Perwakilan Jema'ah Haji

KANGAR — Yang Dipertua Majlis Pemangku Raja Perlia, Yang Berhormat Doktor Syed Mahmud bin Syed Husain telah membuka dengan rasmi-nya persidangan perwakilan jema'ah Haji di-Kangar, Perlis pada hari Sabtu yang lalu.

## PERTANDINGAN BOLA KERANJANG ANTARA BANGSA

MANILA. — Perhimpunan Bola Keranjang Philipina telah berchadang untuk mengadakan satu pertandingan jemputan antara bangsa di-Manila dalam bulan December tahun ini.

Pertandingan itu akan di-adakan untuk merebutkan gelaran kejohanan bola keranjang sa-dunia.

Chadangan tersebut akan di-sampaikan kepada Persekutuan Bola Keranjang Antara Bangsa untuk pertimbangan.

## Doktor Peter Kung

BERAKAS. — Doktor Peter Kung sa-orang pakar pertanian dan tali ayer dari Lembaga Perumahan dan Pertanian Pertubohan Bangsa2 Bersatu telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama sa-minggu baharu2 ini.

Beliau telah di-temui di-Lapangan Terbang Berakas oleh Pesuruh Jaya Kemajuan Negeri Brunei, Yang Berhormat Inche Sa'ad bin Marzuki dan Penasehat Ekonomi Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei, Doktor J.S. Gould.

Doktor Kung menyatakan kepada sa-orang Wartawan kita di-Lapangan Terbang Berakas ketika ia tiba di-sini pada 24 October bahawa tujuan lawatan-nya ka-Negeri Brunei ia-lah untuk menasehatkan Kerajaan Brunei berhubung dengan perkara2 yang bersangkutan paut dengan pertanian dan tali-ayer di-bawah Rancangan Lima Tahun Perkembangan Kebangsaan Negeri Brunei atas jemputan Kerajaan Brunei.

Beliau telah berlepas ka-Kuching dengan kapal terbang pada 31 Oktober.

termasuk masalah makanan dalam kapal.

Wakil2 dari Negeri Brunei yang menghadiri persidangan perwakilan jema'ah Haji tersebut ia-lah Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kamaluddin dan Kadhi Daerah Temburong, Yang Dimuliakan Begawan Mudim Haji Adnan.

## WARTAWAN AUSTRALIA MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Inche John Williams, sa-orang wartawan Australia telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Kuching pada 27 Oktober dalam bidang lawatan-nya ka-wilayah2 Borneo untuk mengumpulkan bahan2 mengenai rancangan Persekutuan Melayu Raya.

Inche Williams ada-lah sa-orang Wartawan akhbar Melbourne Herald yang di-terbitkan di-Sydney, Australia. Ia bertugas di-Tenggara Asia dan mempunyai pejabat di-Singapura.

Dalam satu pertemuan Wartawan akhbar Melbourne Herald itu berkata bahawa banyak perubahan telah berlaku di-Brunei semenjak lawatan-nya yang per-

tama ka-Negeri Brunei tujuh tahun dahulu.

Beliau berharap akan melawat ka-Negeri Brunei pada masa yang akan datang kelak.

Wartawan tersebut telah berlepas ka-Jesseltan pada 31 October sa-telah melawat ka-beberapa tempat di-negeri ini dan mengadakan wawanchara dengan beberapa orang yang berkenaan.

## RATU JAYCEE



Puan Cecelia Phung kelihatan gembira sa-telah memenangi gelaran "Ratu Jaycee" Kuala Belait di-temasha ta-menari yang telah di-adakan oleh Dewan Belia Antara Bangsa, Kuala Belait di-dewan Shell Recreation Club, Seria pada malam 20 Oktober, 1962. Hasil dari pendapatan di-temasha itu di-dermakan kepada sekolah2 sa-bagai derma siswa.

## PILEHAN RAYA DI-SABAH

JESSELTON. — Pilehan2 Raya tempatan Kerajaan Sabah yang di-jadual akan di-adakan pada 18 November tahun ini telah di-tanggohkan kepada 16 Desember akan datang. Demikian menurut satu siaran akhbar yang di-terbitkan oleh Pejabat Penerangan Sabah.

## KONGRES BELIA SA-DUNIA

HONG KONG—Kongres Dewan Belia Antara Bangsa Sa-dunia Kali Yang Ke-17 sedang di-adakan di-Hong Kong dan di-hadiri oleh para perwakilan Dewan2 Belia Antara Bangsa dari beberapa buah negeri.

Kongres itu di-buka pada hari Ahad yang lalu dan akan diteruskan hingga ka-hari Ahad 11 November.

Berbagai2 perkara yang mustahak berkenaan dengan Dewan Belia Antara Bangsa di-bincangkan di-persidangan tersebut.

Siaran akhbar itu berkata lagi bahawa hari menamakan chalun bagi pilehan raya tersebut akan di-adakan pada 26 November.

Berhubung dengan perkara tersebut, Setia Usaha Kerajaan Tempatan, Sabah, Inche J.H. Macartney berkata bahawa Kerajaan Sabah telah memutuskan hendak menanggohkan pilehan raya tersebut selama empat minggu ia-lah sa-lepas menimbangkan satu permohonan dari Party Perikatan Sabah yang terdiri dari Pertubohan Kadazan Bersatu, Pertubohan Kebangsaan Sabah Bersatu dan Party Kebangsaan Sabah.

## INCHE CROSBY BALEK KA-ENGLAND

BERAKAS. — Jurutera Mekanik yang kanan di-Jabatan Kerja Raya, Brunei, Inche W.P.E. Crosby-Emery telah berlepas ka-United Kingdom dengan kapal terbang melalui Singapura dalam minggu yang lalu sa-telah tamat berkhidmat dengan Kerajaan Brunei sa-lama tujuh tahun.

Inche Crosby telah di-iringi oleh keluarga-nya. Di-antara ramai orang yang berada di-lapangan terbang Brunei untuk mengucapkan selamat berpisah kepada Inche Crosby dan keluarga-nya ia-lah Jurutera Negara Brunei, Inche Ahmad bin Haji Abdul Aziz dan isteri-nya.



Gambar ramai para hadirin di-majlis pembukaan rasmi Sekolah Melayu Bakiau. Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Mohamed yang telah merasmikan pembukaan sekolah tersebut kelihatan duduk di-tengah2 dalam gambar ini. Dudok nombor 8 dari kiri ia-lah Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes dan dudok nombor 8 dari kanan ia-lah Penguasa Pelajaran Melayu Negeri Brunei, Inche Noordin bin Abdul Latif.